



15 November 2022
15 November 2022
P.U. (A) 363

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI BIOBAHAN API
MALAYSIA (SUMBER PENGELUARAN, ADUNAN
DAN AKTIVITI YANG DIBENARKAN) 2022

*MALAYSIAN BIOFUEL INDUSTRY
(SOURCE OF PRODUCTION, BLEND
AND PERMITTED ACTIVITIES) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA
(SUMBER PENGELUARAN, ADUNAN DAN AKTIVITI YANG DIBENARKAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 55(2)(a) Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 [*Akta 666*], dibaca bersama perenggan 4(a) dan (b) Akta, Menteri, selepas berunding dengan pihak berkuasa pelesenan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Sumber Pengeluaran, Adunan dan Aktiviti yang Dibenarkan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 16 November 2022.

Kehendak sumber pengeluaran biobahan api

2. (1) Mana-mana pemegang lesen yang diberikan lesen untuk mengeluarkan apa-apa biobahan api yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama bagi apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam ruang (2) hendaklah mengeluarkan biobahan api itu daripada—

(a) sumber minyak sawit mentah; atau

(b) sumber minyak sawit yang ditapis, dinyahwarna dan dinyahbau.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kehendak pengadunan biobahan api dengan bahan api

3. (1) Mana-mana pemegang lesen yang diberikan lesen untuk mengadunkan apa-apa biobahan api dengan apa-apa bahan api yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua hendaklah memastikan adunan itu—

(a) mengandungi biobahan api dalam ruang (2) mengikut peratusan biobahan api dalam ruang (3); dan

(b) mengandungi bahan api dalam ruang (4).

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Aktiviti yang dibenarkan bagi adunan biobahan api dengan bahan api

4. (1) Mana-mana pemegang lesen yang diberikan lesen untuk mengadunkan apa-apa biobahan api dengan apa-apa bahan api yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua hendaklah menggunakan adunan itu bagi apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam ruang (5).

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan

5. Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Peratusan Adunan dan Penggunaan Mandatori) 2019 [*P.U. (A) 27/2019*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

| (1) Biobahan api | (2) Aktiviti |
|---------------------|--|
| Metil ester | (i) Pengangkutan darat (ii) Pengangkutan sungai (iii) Pengangkutan laut (iv) Perikanan (v) Perindustrian |

JADUAL KEDUA

[Peraturan 3 dan 4]

| (1) Biobahan api yang diadunkan dengan apa-apa bahan api | (2) Biobahan api | (3) Peratusan biobahan api (%) | (4) Bahan api | (5) Aktiviti |
|---|---------------------|---|------------------|--|
| B10 | Metil ester | 9.8-10.0 | Diesel Euro 5 | (i) Pengangkutan darat (ii) Pengangkutan sungai (iii) Pengangkutan laut (iv) Perikanan |
| B7 | Metil ester | 6.8-7.0 | Diesel Euro 5 | (i) Pengangkutan darat (ii) Perindustrian |

Dibuat 11 November 2022

[MPIC.BBA(S).700-1/1/1; PN(PU2)665/JLD. 3]

DATUK HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

MALAYSIAN BIOFUEL INDUSTRY ACT 2007

MALAYSIAN BIOFUEL INDUSTRY
(SOURCE OF PRODUCTION, BLEND AND PERMITTED ACTIVITIES) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 55(2)(a) of the Malaysian Biofuel Industry Act 2007 [Act 666], read together with paragraphs 4(a) and (b) of the Act, the Minister, after consultation with the licensing authority, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysian Biofuel Industry (Source of Production, Blend and Permitted Activities) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 16 November 2022.

Requirement of source of production of biofuel

2. (1) Any licensee who is granted a licence to produce any biofuel specified in column (1) of the First Schedule for any activity specified in column (2) shall produce the biofuel from—

(a) crude palm oil resource; or

(b) refined, bleached and deodorized palm oil resource.

(2) Any licensee who fails to comply with subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or both.

Requirement of blending biofuel with any fuel

3. (1) Any licensee who is granted a licence to blend any biofuel with any fuel specified in column (1) of the Second Schedule shall ensure that the blend—

(a) contains the biofuel in column (2) according to the percentage of the biofuel in column (3); and

(b) contains the fuel in column (4).

(2) Any licensee who fails to comply with subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or both.

Permitted activities for blend of biofuel with fuel

4. (1) Any licensee who is granted a licence to blend any biofuel with any fuel specified in column (1) of the Second Schedule shall use the blend for any activity specified in column (5).

(2) Any licensee who fails to comply with subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or both.

Revocation

5. The Malaysian Biofuel Industry (Blending Percentage and Mandatory Use) Regulations 2019 [*P.U. (A) 27/2019*] are revoked.

FIRST SCHEDULE

[Regulation 2]

| (1) Biofuel | (2) Activity |
|----------------|--|
| Methyl ester | (i) Land transportation (ii) River transportation (iii) Sea transportation (iv) Fisheries (v) Industry |

SECOND SCHEDULE

[Regulations 3 and 4]

| (1) Biofuel blended with any fuel | (2) Biofuel | (3) Percentage of biofuel (%) | (4) Fuel | (5) Activity |
|---|----------------|--|---------------|--|
| B10 | Methyl ester | 9.8-10.0 | Diesel Euro 5 | (i) Land transportation (ii) River transportation (iii) Sea transportation (iv) Fisheries |
| B7 | Methyl ester | 6.8-7.0 | Diesel Euro 5 | (i) Land transportation (ii) Industry |

Made 11 November 2022

[MPIC.BBA(S).700-1/1/1; PN(PU2)665/JLD. 3]

DATUK HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
Minister of Plantation Industries and Commodities